

# Ketidakseimbangan gender di IPTA bukan luar biasa

Um- 19/9/2006  
TA.

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Ketidakseimbangan gender antara jumlah pelajar perempuan yang lebih ramai berbanding pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bukanlah perkara luar biasa, kata Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar.

Malah, menurutnya, keadaan itu turut berlaku di beberapa negara seperti Kanada, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Australia dan New Zealand.

Ini kerana keputusan akademik pelajar perempuan lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) lebih baik berbanding pelajar lelaki, menjadikan pelajar perempuan mendominasi kebanyakan tempat di

IPTA.

"Sebagai contoh, pada sesi 2005/2006, kemasukan pelajar lelaki lepasan SPM ke IPTA hanya 35.5 peratus berbanding 64.5 peratus pelajar perempuan, manakala lepasan STPM yang layak memasuki IPTA ialah 41.08 peratus (lelaki) berbanding 58.92 peratus (perempuan)," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

## Tindakan

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan asal **Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh (BN-Kuala Langat)** yang ingin tahu tindakan mengatasi ketidakseimbangan gender di IP-

TA. Menurut Noh, keadaan di pusat pengajian berasaskan teknikal agak berbeza iaitu bilangan pelajar lelaki lebih ramai berbanding pelajar perempuan.

"Pada tahun 2005, seramai 13,178 pelajar lelaki berbanding hanya 11,390 pelajar perempuan belajar di sekolah teknik, situasi yang sama juga berlaku dalam bidang teknikal di universiti atau di kolej universiti," katanya.

Tambah beliau, ketidakseimbangan gender itu mula berlaku semasa pelajar memasuki tingkatan empat.

"Ini kerana pada masa itu, pelajar memilih bidang yang digemari dan bersesuaian dengan ke-  
layakan serta hala tuju dalam kerjaya.

"Kecenderungan pelajar perempuan dilihat lebih kepada bidang akademik manakala pelajar lelaki lebih berminat dalam bahagian vokasional yang lebih sesuai dengan bidang kerja mereka," katanya.